

Ahli UMNO perlu bersatu bantu PM

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini renggesa ahli-ahli UMNO bersatu fikiran, hati dan taaga bagi membantu Presiden parti, Datuk Seri E. Mahathir Mohamad, menjadikan Malaysia sebuah negara yang terbahang.

Timbalan Presiden UMNO berkata, ahli parti perlmenghayati nilai perpadan bagi memastikan UMNO dianggap sebagai parti yang kuat dan sihat kerana ia berurusan diberikan pilihan utama oleh rakyat.

UMNO kuat kerana ahli-ahli parti bukan dari segi angbilangan semata-

mata tetapi dari segi kesatuan dan perpaduan, program dan gerak kerja yang bermakna, kesungguhan, komitmen, disiplin dan pejuangan utuh kepada perjuangan," katanya.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri menyatakan demikian ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Menurut beliau, pemimpin tertinggi parti telah menjalin kerjasama yang akrab bagi memastikan jentera parti dapat berjalan secara berkesan untuk memperkukuhkan parti.

"Oleh itu saya ingin mengingatkan ahli parti untuk jangan cuba mengadukan domba hubungan kerjasama baik yang telah terjalin di kalangan pemimpin.

"Jangan sama sekali membuang masa berbuat demikian kerana akhirnya parti yang akan rugi, parti juga yang akan musnah," katanya.

Mengenai permintaan para pembahas supaya para pemimpin UMNO turut membantu parti di Kelantan dan Terengganu, Abdullah berkata, mereka telah dan akan terus dibantu.

"Tetapi yang lebih penting adalah UMNO dikuat-

kan oleh ahli UMNO di Kelantan dan Terengganu itu sendiri (kerana) kekuatan tempatan adalah faktor penentu paling berharga.

"Tenaga luar adalah umpama suntikan vitamin (tetapi) untuk suntikan vitamin menjadi berkesan, batang tubuh itu sendiri hendaklah diperkuatkan, hendaklah bebas dari sebarang virus dalaman," tegasnya.

Katanya, sumber kekuatan parti itu di kedua-dua negeri tersebut terletak di tangan ahli-ahli UMNO Kelantan dan Terengganu sendiri.